

Masyarakat Sivil di Malaysia

ISU & CABARAN



Editor

MAKMOR TUMIN

MAZLAN CHE SOH

SHARIFAH HAYAATI SYED ISMAIL

Masyarakat Sivil di Malaysia

ISU & CABARAN

Editor

Makmor Tumin

Mazlan Che Soh

Sharifah Hayaati Syed Ismail Al-Qudsy

PENERBIT  PRESS
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

© UiTM Press, UiTM 2022

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Penerbit UiTM, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. E-mel: penerbit@uitm.edu.my

Penerbit UiTM adalah anggota
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Makmor Tumin

Masyarakat Sivil Di Malaysia : ISU DAN CABARAN / MAKMOR TUMIN,
MAZLAN CHE SOH, SHARIFAH HAYAATI SYED ISMAIL.

ISBN 978-967-363-855-0

1. Civil society--Malaysia.
 2. Islam and civil society--Malaysia.
 3. Government publications--Malaysia.
- I. Mazlan Che Soh. II. Sharifah Hayaati Syed Ismail.
III. Judul.
300.9595

Pereka Kulit Buku: Aizzat Zarith Danial
Nurhunaina Mohd Bani

Pereka Letak : Aizzat Zarith Danial
Nurhunaina Mohd Bani

Dicetak di Malaysia oleh: Pusat Percetakan UiTM
Kolej Pengajian Seni Kreatif
Universiti Teknologi MARA
40450, Shah Alam
Selangor

Kandungan

| | |
|---|-----|
| <i>Senarai Rajah</i> | vii |
| <i>Senarai Jadual</i> | ix |
| <i>Prakata</i> | xi |
| Prolog | |
| Peranan dan Aktiviti Masyarakat Sivil | 1 |
| <i>Makmor Tumin dan Mazlan Che Soh</i> | |
| Bab 1 | |
| Masyarakat Sivil, Gerakan Bersih dan Pendemokrasian | 19 |
| <i>Muhammad Effendi Ismail dan Makmor Tumin</i> | |
| Bab 2 | |
| Kedinamikan Gerakan Islam di Malaysia Pasca Politik Baharu | 43 |
| <i>Che Mohd Hamdan Che Mohd Razali dan Ahmad Fauzi Abdul Hamid</i> | |
| Bab 3 | |
| Masyarakat Sivil dan Peranannya dalam Mewujudkan Governan Baik: Huraian Menurut Pandangan Islam | 69 |
| <i>Sharifah Hayaati Syed Ismail Al-Qudsy</i> | |
| Bab 4 | |
| Badan Bukan Kerajaan Sebagai Platform Masyarakat Sivil dan Aktor Akauntabiliti Pengguna: Praktis atau Retorik? | 93 |
| <i>Nurul Hidayana Mohd Noor</i> | |
| Bab 5 | |
| Gerakan Enviromentalisme dalam Isu Perubahan Iklim di Malaysia | 117 |
| <i>Siti Melinda Haris, Firuza Begham Mustafa dan Raja Noriza Raja Ariffin</i> | |

Prakata

Bismillahirrahmanirrahim

Apakah sebenarnya yang boleh diterima sebagai sebuah masyarakat yang sivil atau yang bertamadun? Soalan ini mengandungi dimensi falsafah dan agama, di samping lapis kewajaran praktikalitinya. Ketika ahli falsafah Greek seperti Aristotle mengemukakan konsep masyarakat sivil yang pada ketika itu difahami sebagai *koinōnía politikē*, mereka percaya bahawa adanya hukum sejagat di alam metafizik (alam ghaib) yang sewajarnya menjadi matlamat (*telos*) kehidupan manusia, iaitu matlamat kehidupan etika unggul. Manusia yang diberikan kekuatan akal atau rasional wajar menggunakan kelebihan berkenaan bagi tujuan mencapai matlamat kehidupan yang unggul.

Kemudiannya, sesudah kira-kira lebih 1600 tahun, dengan adanya perkembangan falsafah moden, khususnya melalui gerakan liberalisme yang dimulakan oleh Thomas Hobbes, perihal alam ghaib dipandang sebagai mitos. Masyarakat sivil difahami sebagai masyarakat yang menggunakan kekuatan akalnya bagi membuat keputusan antara yang baik dan buruk, yang menyeronokkan atau yang membosankan, membahagiakan atau menyengsarakan, dalam proses mengoptimumkan antara dua pilihan berkenaan. Hilangnya kepercayaan kepada alam metafizik atau alam ghaib ini telah menjadikan manusia berkeyakinan bahawa, melalui kekuatan akal, manusia sudah mampu untuk menentukan pembentukan masyarakat yang sivil atau bertamadun itu.

Tradisi pemahaman masyarakat sivil pada hari ini amat dipengaruhi oleh paradigma liberalisme seumpama ini. Dari segi agama, khususnya daripada tunjang ajaran Islam, sudah pastinyalah perkara yang ghaib itu perkara yang wajib dipercayai, dan konsep metafizik dalam Islam itu tidak sewajarnya difahami sama seperti yang difahami oleh golongan falsafah. Ini kerana apa yang ghaib itu hanya dapat diketahui melalui wahyu, dan wahyu itu hanya diturunkan kepada manusia melalui perantaraan Jibril dan para nabi dan rasul sahaja.